

NO SOALAN : 2

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**  
**[PERMATANG PAUH]**  
**TARIKH : 09 JUN 2014**  
**RUJUKAN : 6978**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian dan tindakan Kerajaan dalam menangani pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang lantang menyuarakan pandangan ekstrimis ultra kanan mereka yang sekaligus berpotensi merosakkan keharmonian kaum dan agama di Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memberikan perhatian yang serius terhadap tindakan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang lantang menyuarakan pandangan yang berpotensi menggugat keharmonian kaum dan agama di Malaysia. Oleh itu, sesebuah NGO yang telah berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] hendaklah mematuhi, patuh atau akur dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan-Perlembagaan Negeri dalam menjalankan sebarang aktiviti atau hal ehwal pertubuhan supaya tidak berlawanan atau bercanggah, berkurangan atau bertentangan dengan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen yang berasaskan konsep Raja Berpelembagaan, kedudukan agama Islam, penggunaan bahasa kebangsaan, kedudukan orang Melayu, bumiputra serta pribumi Negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah taraf kaum-kaum yang lain.

Dalam hal ini, Pendaftar Pertubuhan boleh mengambil tindakan untuk membatalkan pendaftaran sesebuah pertubuhan yang berdaftar sekiranya didapati bahawa :

- i. Pertubuhan itu digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau bagi maksud yang memudaratkan atau

**bertentangan dengan keamanan, kebajikan, ketenteraman atau akhlak di dalam negara;**

- ii. Pertubuhan itu berusaha hendak mencapai tujuan-tujuan lain daripada tujuan-tujuan asal ia didaftarkan; dan**
- iii. Pertubuhan itu secara bersengaja melanggar peruntukan Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] atau perlembagaan pertubuhannya.**

**Selain itu, Pendaftar Pertubuhan juga berhak untuk menolak mana-mana permohonan pendaftaran sesebuah pertubuhan untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya di dalam negara sekiranya nama dan tujuan pendaftaran pertubuhan tersebut akan mengelirukan orang awam tentang corak dan maksud pertubuhan yang akan mungkin akan memperdayakan orang awam atau ahli pertubuhannya.**

**Selain itu, selaras dengan Seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966, Menteri mempunyai kuasa sekiranya menurut budi bicaranya yang mutlak mengisytiharkan mana-mana pertubuhan sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang oleh sebab sedang digunakan bagi maksud memudaratkan atau bertentangan dengan kepentingan keselamatan negara, ketenteraman awam atau akhlak.**

Oleh itu, Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap NGO yang boleh mendatangkan maksud untuk memudaratkan atau bertentangan dengan kepentingan keselamatan negara, ketenteraman awam atau akhlak. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak menghalang atau menyekat hak-hak kepada semua warganegara untuk membentuk persatuan selaras dengan Perkara 10(c) Perlembagaan Persekutuan selagi mana ia tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang sedia ada yang terpakai di dalam negara.